

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS  
2024

**HARI KHAMIS : 14 NOVEMBER 2024**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB  
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN  
( SOALAN NO. 11 HINGGA NO. 49 )**

**NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN CHONG ZHEMIN [KAMPAR]**  
**TARIKH : 14 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**TUAN CHONG ZHEMIN [KAMPAR]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk memperkenalkan cukai GST untuk menggantikan Cukai SST.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini, Kerajaan belum berhasrat untuk melaksanakan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) memandangkan Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (SST) sedia ada telah difahami oleh peniaga dan rakyat kerana sudah digunakan lebih 40 tahun dan masih boleh ditambah baik untuk menjana hasil tambahan bagi Kerajaan dengan lebih pantas. Ini berbanding langkah memperkenalkan semula GST yang memerlukan tempoh persediaan yang lebih panjang sama ada di pihak Kerajaan mahupun di pihak industri.

Kesan fiskal yang lebih pantas dapat dilihat melalui pelaksanaan langkah cukai Belanjawan 2024 pada tahun ini apabila cukai jualan diunjur melonjak sebanyak 5.7% kepada RM19.4 bilion berikutan pelaksanaan cukai barangan bernilai rendah mulai 1 Januari 2024 dan jangkaan jualan kenderaan penumpang yang lebih tinggi. Cukai perkhidmatan pula dianggar meningkat sebanyak 25.8% kepada RM21.5 bilion seiring dengan kenaikan kadar cukai daripada 6% kepada 8% di samping peluasan skop perkhidmatan yang antara lain termasuk perkhidmatan logistik, pembrokeran dan pengunderaitan berkuat kuasa mulai 1 Mac 2024.

Selain itu, Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal 2023 yang berkuatkuasa mulai 1 Januari 2024 telah digubal bagi mengukuhkan tadbir urus dan disiplin fiskal negara. Akta ini menekankan prinsip pengurusan fiskal yang bertanggungjawab meliputi hasil, perbelanjaan, pinjaman dan hutang serta risiko fiskal ke arah memastikan keseimbangan antara agenda pembangunan negara dan kemampuan kewangan awam.

Menerusi Akta tersebut, Kerajaan akan meningkatkan langkah mobilisasi hasil termasuk meluaskan asas hasil cukai, menambah baik dan menyemak semula struktur dan perundangan cukai, serta pemberian insentif percukaian. Langkah ini akan direalisasikan melalui pelaksanaan

Strategi Hasil Jangka Sederhana (*Medium Term Revenue Strategy - MTRS*) bagi memastikan perancangan cukai jangka sederhana untuk tempoh 3 tahun ke hadapan adalah lebih teratur dan sepadan dengan perbelanjaan.

Kerajaan akan terus memastikan penambahbaikan sistem cukai sedia ada tidak memberi kesan kepada golongan rentan dengan aspek kesan regresif dikurangkan dan kesan inflasi yang terkawal sebelum menilai keperluan untuk memperkenalkan cukai penggunaan baharu seperti GST. Tambahan pula, pelaksanaan semula GST perlu mengambil kira kesan kepada setiap lapisan masyarakat.

Selain itu, sebarang perubahan dasar kepada sistem percukaian berasaskan penggunaan akan diteliti untuk memastikan ianya bersifat lebih progresif, mudah ditadbir, tidak memberi impak negatif kepada kos sara hidup dan pertumbuhan ekonomi serta pada masa yang sama dapat menjana hasil yang mampan kepada Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN ZAKRI BIN HASSAN [KANGAR]**

**TARIKH : 14 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**TUAN ZAKRI BIN HASSAN [KANGAR]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian mempunyai perancangan untuk mengubah secara keseluruhan kurikulum sekolah rendah dan menengah sesuai dengan kehendak masa kini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) komited dalam memastikan sistem pendidikan kebangsaan termasuk kurikulum yang disediakan untuk pembelajaran murid adalah relevan dan berkualiti.

Sesuai dengan sifat kurikulum yang dinamik bagi memenuhi keperluan masyarakat yang sentiasa berubah, KPM giat melaksanakan pelbagai inisiatif penting bagi mereformasikan pendidikan negara, termasuk penstrukturan semula sistem prasekolah, kurikulum persekolahan 2027 dan intervensi kurikulum bagi menangani keciciran pembelajaran.

KPM juga telah mengadakan sesi libat urus, persidangan, tinjauan dan kajian bagi mendapatkan maklum balas berkaitan kurikulum yang sedang diguna pakai. Pelbagai pihak seperti warga pendidik, pemain industri, ahli akademik, badan bukan kerajaan, agensi kerajaan dan swasta serta pihak berkepentingan yang lain telah dilibatkan.

Selain itu, KPM turut meneliti dasar negara yang utama seperti Dasar Pendidikan Kebangsaan, Dasar Kanak-kanak Negara, Dasar Perpaduan Negara, Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia dan Dasar Pendidikan Digital. Turut diambil kira adalah laporan pencapaian murid dalam penandaarasan antarabangsa *Trends in International Mathematics and Science Study* (TIMSS), *Programme for International Students Assessment* (PISA) dan SEA-Primary Learning Metrics.

Hasil dapatan daripada aktiviti tersebut menunjukkan terdapat keperluan untuk menyediakan kurikulum baharu bagi memenuhi pelbagai keperluan masa kini dan masa hadapan. Kurikulum tersebut harus berupaya menghasilkan generasi yang memiliki mentaliti pertumbuhan (*growth mindset*) dan mengamalkan budaya pembelajaran sepanjang hayat.

Kurikulum Persekolahan 2027 yang sedang digubal bermatlamat untuk melahirkan individu yang mengamalkan kehidupan yang seimbang dalam segala aspek kehidupan, membudayakan pembelajaran sepanjang

hayat, menghargai perpaduan dan keharmonian kaum, menjadi warga yang beradab dan bertanggungjawab serta berdaya saing. Reka bentuk kurikulum ini adalah masih berasaskan standard tetapi berorientasikan kompetensi. Antara perkara baharu yang dicadangkan dalam kurikulum ini adalah perubahan pada tahap persekolahan, pembentukan karakter, pembelajaran bersepadu dan pentaksiran. Kesemua perubahan tersebut memerlukan kepada semakan semula senarai mata pelajaran serta peruntukan waktu bagi mencapai matlamat Kurikulum Persekolahan 2027.

KPM sentiasa menghargai semua pandangan dan cadangan daripada semua pihak berkepentingan dalam usaha meningkatkan kualiti pendidikan negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN MORDI BIMOL**  
**[MAS GADING]**  
**TARIKH : 14 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**TUAN MORDI BIMOL [MAS GADING]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan dengan peningkatan pengawasan terhadap dana awam dan perbelanjaan, apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Kewangan untuk meningkatkan ketelusan dalam proses perolehan Kerajaan dan mengurangkan rasuah dalam pemberian kontrak Kerajaan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Proses perolehan Kerajaan dilaksanakan berteraskan kepada lima (5) prinsip utama iaitu akauntabiliti awam, diuruskan secara telus, memberi nilai faedah terbaik, mewujudkan saingan terbuka serta adil dan saksama. Perolehan yang diguna pakai oleh Kerajaan adalah berdasarkan amalan terbaik perolehan awam di peringkat antarabangsa yang mana semua proses perolehan perlu dilaksanakan secara terbuka dan amalan ini masih diteruskan pada masa ini.

Antara langkah khusus dalam meningkatkan ketelusan dalam proses perolehan Kerajaan dan mengurangkan rasuah dalam pemberian kontrak adalah :

- i. Pelaksanaan *Integrity Pact* di bawah PP/PK 1.6 – Integriti Dalam Perolehan Kerajaan adalah untuk memperkukuh usaha meningkatkan integriti dan ketelusan dalam perolehan Kerajaan serta dalam masa yang sama mencegah ketirisan dalam perbelanjaan Kerajaan dan mengekang penyalahgunaan kuasa.
- ii. Selaras dengan prinsip ketelusan, adil dan saksama, Kerajaan telah menyediakan satu Prosedur Semakan Domestik (*Domestic Review Procedure - DRP*) bagi membolehkan pembekal mengemukakan sebarang aduan berkaitan perolehan Kerajaan. Aduan boleh dikemukakan bagi perolehan yang tertakluk kepada *Free Trade Agreement* (FTA) sekiranya pembekal mengesyaki terdapat kesilapan atau ketidakpatuhan Agensi terhadap tatacara perolehan Kerajaan semasa yang berkuat kuasa.

Selain itu, beberapa penambahbaikan sedang dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan dalam masa terdekat dengan tujuan untuk meningkatkan ketelusan dan membendung rasuah melalui beberapa strategi dalam Pelan Anti-Rasuah Nasional (NACS 2024-2028), antaranya ialah :

- i. menggubal Rang Undang-undang Perolehan Kerajaan (RUU PK) dengan objektif untuk mewujudkan satu bentuk perundangan bagi mengawal selia proses Perolehan Kerajaan, memperincikan kuasa-kuasa pihak berkepentingan di bawah Akta dan mewujudkan mekanisme semak dan imbang demi memastikan tata kelola yang baik serta memenuhi amalan terbaik antarabangsa;

## NO SOALAN : 13

- ii. Menguatkuasakan syarat kontraktor Gred G7 yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) perlu mempunyai pentauliahan ISO37001, Sistem Pengurusan Antirasuah (Anti-Bribery Management System (ABMS) sekiranya ingin menyertai mana-mana proses perolehan Kerajaan melalui pensijilan Perolehan Kerja Kerajaan;
- iii. Cadangan melaksanakan sistem perolehan bersepadu dengan mempertimbangkan teknologi baharu yang menyediakan platform kewangan digital, kecerdasan buatan, perkomputeran awan serta proses hujung ke hujung; dan
- iv. Cadangan mewajibkan syarikat yang ingin menyertai proses perolehan Kerajaan perlu menyertakan sijil atau pengesahan pengisytiharan pemunya benefisial (*beneficiary ownership*) yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) bagi tujuan membendung aktiviti kartel dan rasuah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : KAPTEN AZAHARI BIN HASAN  
[PADANG RENGAS]**

**TARIKH : 14 NOVEMBER 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**KAPTEN AZAHARI BIN HASAN [PADANG RENGAS]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status terkini berkenaan permohonan naik taraf kemudahan awam yang disediakan di setiap stesen Keretapi Tanah Melayu (KTM) khususnya di KTM Padang Rengas kerana ada sesetengah daripadanya tidak mesra pengguna/OKU. Seperti contoh tiada lif untuk pengguna OKU berkerusi roda.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan (MOT) sentiasa cakna dengan keperluan untuk menaiktaraf kemudahan yang terdapat di stesen-stesen kereta api. Dalam hal ini, Perbadanan Aset Keretapi (RAC) selaku pemilik dan pengurus aset-aset kereta api komited untuk menyediakan kemudahan bagi menampung keperluan khas bagi golongan OKU, wanita mengandung dan warga emas. Langkah yang diambil oleh RAC ini adalah selaras dengan matlamat MOT untuk menyediakan sektor pengangkutan yang boleh diakses oleh semua golongan masyarakat.

2. MOT bersama RAC telah merancang dan melaksanakan penyediaan kemudahan lif secara berperingkat di semua stesen kereta api yang masih tiada kemudahan ini termasuk di Stesen Keretapi Padang Rengas yang mana pembinaan kemudahan ini dijangka akan bermula pada suku pertama tahun 2025.

3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, projek menaik taraf kemudahan ini telah dilaksanakan oleh MOT melalui RAC sejak tahun 2013 bermula di Stesen Keretapi Kampar diikuti Stesen Keretapi Tanjung Malim pada tahun 2019 serta Stesen Keretapi Batu Gajah yang dalam pembinaan bermula pada tahun 2023 dan dijangka siap pada tahun 2025.

4. Pada tahun 2023, MOT telah merancang untuk melaksanakan perolehan bagi membina **kemudahan lif** bagi **20 buah stesen** kereta api termasuk Stesen Keretapi Padang Rengas. Senarai stesen-stesen yang terlibat adalah seperti berikut:

i. Jajaran Gemas – Padang Besar :

**Projek Dalam Pelaksanaan (6 stesen)**

1. Stesen Bukit Ketri
2. Stesen Sungkai
3. Stesen Slim River

4. Stesen Rasa
5. Stesen Batang Kali
6. Stesen Serendah

**Projek Dalam Proses Perolehan (14 stesen)**

7. Stesen Kodiang
8. Stesen Kobah
9. Stesen Bagan Serai
10. Stesen Padang Rengas
11. Stesen Tapah Road
12. Stesen Butterworth (*escalator*)
13. Stesen Seputeh
14. Stesen Petaling
15. Stesen Segambut
16. Stesen Batang Melaka

ii. Senarai stesen di bawah jajaran KVDT:

17. Stesen Pantai Dalam
18. Stesen Seri Setia
19. Stesen Jalan Kastam
20. Stesen Salak Selatan

5. MOT akan memastikan inisiatif seumpama ini akan diteruskan dari semasa ke semasa bagi memastikan hasrat untuk menggalakkan penggunaan pengangkutan awam dapat dipertingkatkan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK WILLIE ANAK MONGIN  
[PUNCAK BORNEO]**

**TARIKH : 14 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**DATUK WILLIE ANAK MONGIN [PUNCAK BORNEO]** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan sama ada Kementerian sedang mengambil inisiatif untuk mengenal pasti dan meneroka potensi tenaga boleh diperbaharui bagi setiap kawasan Parlimen agar ia boleh dimanfaatkan untuk menyelesaikan masalah bekalan elektrik terutamanya di kawasan pedalaman yang jauh dari grid elektrik utama di seluruh negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Berhormat, Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) telah melaksanakan kajian mengenai potensi penjanaan pelbagai sumber Tenaga Boleh Baharu (TBB) di seluruh negara semasa penyediaan dokumen *Malaysia Renewable Energy Roadmap (MyRER)* yang telah diterbitkan pada tahun 2021. Dapatan kajian potensi TBB ini telah digunakan sebagai rujukan dan asas dalam penyediaan Dasar Tenaga Negara yang dilancarkan pada tahun 2022 dan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) yang dilancarkan pada tahun 2023.

2. Mengenai cadangan supaya kajian dilaksanakan untuk mengenal pasti dan meneroka potensi tenaga boleh baharu bagi setiap kawasan Parlimen agar ia boleh dimanfaatkan untuk menyelesaikan masalah bekalan elektrik terutamanya di kawasan pedalaman yang jauh dari grid elektrik utama di seluruh negara, PETRA akan menyusuli perkara ini bersama Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah yang merupakan agensi peneraju bagi pembangunan infrastruktur asas luar bandar, terutamanya kawasan luar bandar dan pedalaman yang terletak di luar kawasan liputan syarikat utiliti.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN NURUL AMIN BIN HAMID  
[PADANG TERAP]**

**TARIKH : 14 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**TUAN NURUL AMIN BIN HAMID [PADANG TERAP]** minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan berapa sasaran penerima yang layak daripada pekebun kecil, petani dan penternak Padang Terap menerima Budi Agri-Komoditi dan berapa daripada mereka yang sudah menerima bantuan tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan Persekutuan telah melaksanakan penyasaran subsidi diesel melalui program BUDI Agri-Komoditi iaitu pemberian bantuan tunai sebanyak RM2,400 setahun kepada pekebun kecil persendirian Agrikomoditi (tanaman Sawit, Getah, Koko, Lada, dan Kenaf) di bawah Kementerian Perladangan dan Komoditi (KPK) serta petani kecil (Tanaman, Akuakultur, dan Ternakan) di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) yang memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan.

2. Sehingga Oktober 2024, seramai 5,975 pekebun kecil persendirian Agrikomoditi dari kawasan Padang Terap telah dikenal pasti layak menerima bantuan. Daripada jumlah tersebut, seramai 1,388 pekebun kecil persendirian Agrikomoditi yang telah diluluskan permohonan BUDI Agri-Komoditi.

3. Manakala bagi petani dan penternak di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) yang turut menerima manfaat bantuan BUDI Agri-Komoditi, seramai 456 petani dan penternak di kawasan Padang Terap yang telah berdaftar dengan KPKM dan layak menerima bantuan BUDI Agri-Komoditi. Sehingga Oktober 2024, dilaporkan seramai 32 petani dan penternak telah menerima bantuan tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN  
[SELAYANG]**

**TARIKH : 14 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [SELAYANG]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan selaras dengan Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030, apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian bagi memastikan bakat dapat dibangunkan dalam sektor-sektor kritikal seperti sektor teknologi dan sektor kejuruteraan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sentiasa mengambil langkah proaktif bagi melahirkan bakat mengikut keperluan sektor kritikal industri negara. Sehubungan dengan itu, KPT sedang bekerjasama dengan *Malaysian Investment Development Authority* (MIDA) untuk padanan keperluan bakat oleh industri dan penyediaannya oleh Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) dalam memastikan bakat yang dihasilkan mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang selaras dengan keperluan industri. Fokus kerjasama ini menjurus bidang-bidang keutamaan seperti elektrik dan elektronik, aeroangkasa, peralatan perubatan, serta farmaseutikal dan kimia.

2. Selain itu, bagi memperkasa TVET di KPT, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan bersama industri. Salah satu yang sedang dilaksanakan adalah pengukuhan kolaborasi industri di peringkat nasional di bawah inisiatif *Government-Industry Coordination Body* (GITC) yang ditubuhkan melalui Majlis TVET Negara (MTVET). GITC berperanan sebagai badan perantara bagi memudahcara kerjasama pihak industri dengan institusi TVET dan IPT lain.

3. Sehingga September 2024, GITC telah memeterai perjanjian persefahaman (MoU) dengan 74 buah syarikat pelbagai bidang industri dan mensasarkan untuk menandatangani 100 MoU pada akhir Disember 2024. MoU ini bertujuan memperkukuh hubungan antara institusi TVET dan industri melalui kolaborasi rasmi bagi menyediakan peluang penempatan kerja dan latihan industri kepada pelajar IPT khususnya dalam pendidikan TVET.

4. Di bawah inisiatif GITC juga, Majlis Pakar Industri (*Industry Council of Experts - ICE*) telah ditubuhkan yang mewakili 21 sektor ekonomi yang tersenarai dalam *Malaysia Standard Industrial Classification* (MSIC) 2008. Majlis ini kini terdiri daripada 259 pakar dan berhasrat untuk mencapai sasaran 390 pakar pada akhir tahun 2024. Objektif utama ICE adalah untuk mengumpulkan pakar industri dan berfungsi sebagai badan

penasihat dalam meningkatkan kualiti program TVET bagi memberi nasihat strategik kepada institusi mengikut keperluan bidang industri.

5. Tambahan itu, KPT sentiasa menilai dan memperbaharui kurikulum program akademik terutamanya dalam bidang teknologi dan kejuruteraan agar selari dengan keperluan industri. Semakan kurikulum program akademik juga dilaksanakan secara berkala. KPT amat menggalakkan IPT bekerjasama rapat dengan pemain industri dalam proses penggubalan kurikulum bagi memastikan program yang dibangunkan di IPT sesuai dengan perkembangan teknologi dan keperluan pasaran kerja.

6. Sebagai contoh, *Structured Industry Apprenticeship Programme (SIAP) for Integrated Circuit Design (IC Design)* merupakan satu inisiatif yang dibangunkan bagi mengurangkan jurang perbezaan antara universiti dan industri di mana universiti berkaitan perlu memasukkan kurikulum IC Design (dengan input industri) dalam silibus program akademik masing-masing.

7. Melalui inisiatif Hala Tuju Transformasi Politeknik 2023-2035 yang dibangunkan, penjajaran program pengajian sedia ada akan dilaksanakan seiring dengan intipati NIMP 2030 yang merangkumi 21 sektor di mana Kementerian memfokuskan kepada bidang TVET meliputi sektor elektrik dan elektronik, automotif, kenderaan elektrik (EV), rel, pembinaan dan membaikpulih kapal, kecekapan tenaga, tenaga hijau serta bidang kompetitif merangkumi pemprosesan makanan, pengurusan halal, digital, dan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : IR. TS. HAJI KHAIRIL NIZAM BIN KHIRUDIN  
[JERANTUT]**

**TARIKH : 14 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**IR. TS. HAJI KHAIRIL NIZAM BIN KHIRUDIN [JERANTUT] minta  
MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan :**

- (a) perancangan terperinci Kementerian mengambil kira kebimbangan terhadap keputusan memperoleh tren tambahan KTMB dari China melalui kaedah pajakan dalam perjanjian bernilai RM10.7 bilion; dan
- (b) sejauh manakah Kementerian mengkaji impaknya kepada pekerja sedia ada terutama mereka di bahagian penyelenggaraan, pembaikan dan operasi.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan secara dasarnya telah bersetuju untuk melaksanakan Pemerkasaan Industri Keretapi melalui Pelaksanaan Kaedah Pajak Tren Penumpang secara Kerajaan dengan Kerajaan (*Government to Government - G2G*) antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Republik Rakyat China. Untuk pelaksanaan bagi Fasa 1 (2024 – 2027), tren-tren penumpang akan diperoleh melalui pajak jangka panjang selama 30 tahun. Perincian kos perbelanjaan yang terlibat belum dimuktamadkan kerana proses rundingan masih berjalan.

2. Keputusan untuk mengambil pendekatan baru dibuat atas pertimbangan Kerajaan bagi mengatasi keadaan semasa penggunaan kapasiti landasan keretapi bagi jajaran sektor utara ke selatan dan sektor timur yang kini berada pada kadar purata 30%. Hal ini adalah disebabkan oleh masalah kekangan jumlah tren sedia ada bagi menjalankan operasi perkhidmatan tren dan isu penyelenggaraan berikutan kekurangan peruntukan kewangan Kerajaan.

3. Bagi memastikan perkhidmatan tren semasa dapat ditambah baik, pendekatan melalui kaedah G2G ini merupakan pilihan terbaik yang akan memberikan kelebihan kepada Kerajaan seperti berikut:

- a) mekanisme ini membolehkan kos pajak merangkumi semua tahap penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih (MRO) diselaraskan oleh entiti yang membekalkan tren untuk tempoh pajak. Kerajaan tidak perlu lagi menanggung kos penyelenggaraan melalui peruntukan pembangunan (DE) yang tinggi;
- b) tempoh pajak yang tetap selama 30 tahun akan membantu perancangan aliran tunai (*cash flow*) yang lebih teratur bagi pihak Kerajaan;

- c) ketersediaan dan kebolehpercayaan (*reliability*) operasi set tren akan menjadi lebih baik dan secara tidak langsung akan meningkatkan kadar penggunaan landasan dan menawarkan operasi tren yang lebih efisien kepada rakyat; dan
- d) Hubungan diplomatik antara kerajaan Malaysia dengan Republik Rakyat China yang baik dan keinginan pihak China yang kini merupakan pelopor teknologi pembinaan keretapi untuk berkongsi teknologi dengan Malaysia melalui syarikat milik kerajaan.

4. Sekiranya tiada sebarang langkah penyelesaian segera yang diambil oleh Kerajaan untuk memperolehi set tren penumpang ini, perkhidmatan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) akan berisiko untuk:

- (i) ketidakupayaan untuk peningkatan kekerapan perkhidmatan terutamanya pada waktu operasi puncak terutamanya bagi perkhidmatan Komuter Lembah Klang;
- (ii) tren ETS 3 yang baru diperolehi kemungkinan akan digunakan untuk perkhidmatan henti-henti bagi jajaran Gemas ke Johor Bahru. Ini adalah bertentangan dengan tujuan asal perolehan tren ETS tersebut iaitu bagi menyediakan pekhidmatan tren antara bandar;
- (iii) kehilangan peluang perniagaan (*opportunity loss*) untuk pihak KTMB menyediakan perkhidmatan yang menghubungkan pekhidmatan tren penumpang sektor Komuter Selatan dengan perkhidmatan RTS Link yang dijangka siap pada 31 Desember 2026 kelak; dan
- (iv) KTMB tidak dapat mengoptimumkan penggunaan landasan kereta api baru yang telah dibangunkan oleh pihak Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Pada masa kini, Kementerian Pengangkutan (MOT) sedang meneliti struktur model perniagaan berkenaan usahasama antara entiti yang akan mewakili Kerajaan Malaysia dan entiti yang akan mewakili Kerajaan China dalam pembekalan tren tersebut. Melalui cadangan usahasama ini, Kerajaan akan memastikan terma-terma tertentu seperti keperluan bagi memastikan *Local Content Requirement* (LCR) dalam pembangunan atau pemasangan tren di Malaysia, keperluan pemindahan teknologi dan penglibatan tenaga kerja tempatan dipatuhi. Mekanisme perolehan dan pelaksanaan projek ini selanjutnya akan ditentukan semasa perbincangan antara kedua-dua buah negara yang akan diadakan kelak.

6. Kerajaan turut menjangkakan pekerja sedia ada KTMB di bahagian penyelenggaraan dan pembaikan keretapi yang merangkumi sebanyak 653 tenaga kerja ataupun 11% daripada keseluruhan pekerja KTMB tidak akan terjejas memandangkan pelaksanaan pajakan tren penumpang secara G2G ini hanya melibatkan perolehan tren-tren yang baharu. Kerajaan juga komited untuk meneruskan projek-projek MRO melibatkan tren-tren KTMB sedia ada yang telah dan sedang dilaksanakan oleh syarikat-syarikat tempatan dalam negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN LEE CHUAN HOW [IPOH TIMOR]**

**TARIKH : 14 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**TUAN LEE CHUAN HOW [IPOH TIMOR]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan rentetan permohonan kewarganegaraan yang ditolak, sama ada pemohon diberikan sebab-sebab dan alasan penolakan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Penganugerahan kewarganegaraan Malaysia kepada individu bertaraf bukan warganegara merupakan anugerah tertinggi dan hak eksklusif Kerajaan Persekutuan yang tidak ditawarkan dan diberikan dengan sewenang-wenangnya. Dalam mempertimbangkan permohonan kewarganegaraan Malaysia, pembuktian kelayakan untuk dianugerahkan kewarganegaraan Malaysia adalah di bawah tanggungjawab setiap pemohon dan proses pertimbangan adalah tertakluk kepada syarat-syarat di bawah Bahagian III, Perlembagaan Persekutuan, Kaedah-Kaedah Kewarganegaraan 1964 [L.N.82/1964] serta perundangan berkaitan yang berkuatkuasa dalam isu pendaftaran perkahwinan, pengangkatan, kesahatarafan anak, dan peraturan imigresen.

Permohonan kewarganegaraan Malaysia dikemukakan secara berasingan, dengan setiap pemohon menyediakan maklumat dan dokumen sokongan yang berbeza-beza. Oleh itu, hasil penilaian dan pertimbangan juga berbeza mengikut keperluan, bukti, serta fakta kes yang diberikan. Setiap fakta dan dokumen bukti akan diteliti secara menyeluruh dan mengikut giliran yang sewajarnya sebelum keputusan dikeluarkan.

Ini kerana setiap permohonan mempunyai fakta dan bukti yang berbeza, yang memerlukan penilaian secara individu. Oleh itu, penolakan tidak semestinya berpunca daripada kekurangan dalam satu faktor tertentu, tetapi berdasarkan penilaian keseluruhan permohonan mengikut perundangan yang berkuat kuasa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN MOHD AZIZI BIN ABU NAIM  
[GUA MUSANG]**

**TARIKH : 14 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**TUAN MOHD AZIZI BIN ABU NAIM [GUA MUSANG]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan tindakan terkini Kementerian bagi membaik pulih bangunan asrama Sekolah Kebangsaan Renok Baru yang rosak sepenuhnya 2 tahun lepas dan pembinaan bangunan baru Sekolah Kebangsaan Sri Permai memandangkan bangunan sekolah sedia ada amat berbahaya kepada pelajar.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa komited untuk menyediakan infrastruktur pendidikan yang selamat dan kondusif bagi murid dan warga sekolah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada 7 Ogos 2024 pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) telah mengenal pasti punca berlakunya tanah runtuh di kawasan SK Renok Baru adalah disebabkan oleh larian air di cerun yang meresap ke dalam tanah. Ini telah menyebabkan pergerakan cerun dan kerosakan pada struktur bangunan. Pada 25 September 2024, hasil pemeriksaan JKR mendapati terdapat pergerakan tanah di sekitar bangunan asrama SK Renok Baru. Pihak JKR mengesyorkan agar bangunan ini dikosongkan sepenuhnya dengan kadar segera dan lokasi pembinaan bangunan asrama baru dijarakkan dari tapak asrama yang terlibat dengan runtuhan. KPM akan terus memantau dan memastikan semua langkah yang perlu diambil bagi menjaga keselamatan murid dan warga sekolah di SK Renok Baru.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM telah diluluskan projek daif Kelantan tahun 2024 bagi pembinaan semula bangunan daif di Sekolah Kebangsaan Sri Permai, Gua Musang, Kelantan dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) Rolling Plan Keempat Tahun 2024. Skop projek ini ialah meroboh dan membina semula blok pentadbiran, blok akademik yang mengandungi enam bilik darjah dan bilik-bilik khas serta membina satu bilik darjah prasekolah.

Pelaksanaan projek telah diserahkan kepada JKR Malaysia untuk dilaksanakan dengan kaedah pelaksanaan secara Konvensional Perunding. Sehingga Oktober 2024, projek sedang dalam peringkat pelaksanaan kerja awalan iaitu kerja ukur dan siasatan tanah. Lantikan perunding hanya dapat dilaksanakan selepas pelaksanaan kerja awalan selesai.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI HAJI JALALUDDIN BIN HAJI  
ALIAS [JELEBU]**

**TARIKH : 14 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**DATUK SERI HAJI JALALUDDIN BIN HAJI ALIAS [JELEBU]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah kaedah penilaian prestasi pelajar di sekolah rendah pada hari ini dapat membantu dalam mengenal pasti prestasi sebenar pelajar untuk kemasukan ke sekolah berasrama penuh.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menetapkan satu pentaksiran standard iaitu Pentaksiran Kemasukan Sekolah Khusus (PKSK) yang dilaksanakan secara berpusat untuk kemasukan ke sekolah khusus bagi Tingkatan 1 dan Tingkatan 4 serta Tahun 1 Sijil Vokasional Malaysia (SVM). Sekolah Khusus ini termasuk Sekolah Berasrama Penuh (SBP), Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), Sekolah Menengah Teknik (SMT) dan Kolej Vokasional (KV) bawah pengurusan KPM serta Maktab Tentera Diraja (MTD) bawah pengurusan Kementerian Pertahanan Malaysia.

PKSK merangkumi tiga komponen utama iaitu Kecerdasan Insaniah, Kecerdasan Intelek dan Artikulasi Penulisan. Bagi komponen Kecerdasan Insaniah, terdapat tiga elemen yang ditaksir iaitu Kecerdasan Emosi (EQ), Kecerdasan Rohani (SQ) dan Kecerdasan Kemahiran Insaniah (SSQ) untuk mengenal pasti karakter murid. Komponen Kecerdasan Intelek pula melibatkan Kecerdasan Intelektual (IQ), Pengetahuan Am dan Penyelesaian Masalah bagi elemen Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Sains serta pelbagai disiplin, untuk mengukur tahap kognitif murid. Manakala komponen Artikulasi Penulisan pula mencakupi idea, kreativiti, hujahan dan kecenderungan murid dalam sesuatu bidang yang diukur secara respon terbuka.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selain daripada tiga komponen utama PKSK yang ditetapkan, penentuan merit pemilihan kemasukan ke SBP turut mengambil kira pencapaian murid dalam Pentaksiran Bilik Darjah (PBD), Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK) serta status sosio ekonomi (SES) keluarga murid.

KPM berpandangan merit pemilihan yang ditetapkan adalah bersifat holistik dalam menentukan potensi murid bagi kemasukan ke sekolah khusus bagi Tingkatan 1 dan Tingkatan 4.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI ABDUL LATIFF BIN ABDUL  
RAHMAN [KUALA KRAI]**

**TARIKH : 14 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**TUAN HAJI ABDUL LATIFF BIN ABDUL RAHMAN [KUALA KRAI]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah usaha Kementerian untuk memperkasakan perpaduan di kalangan pelajar sekolah sedangkan wujudnya sistem pendidikan yang berbeza seperti sekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan yang menyumbang kepada pemisahan awal dalam kalangan pelajar daripada latar belakang etnik dan agama yang berbeza.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan Inisiatif #06 Pengukuhan Perpaduan di Sekolah yang telah digariskan melalui Anjakan 3 dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 - 2025. Objektif utama inisiatif ini adalah supaya semua warga sekolah memahami, menerima dan menghargai kepelbagaian untuk mewujudkan identiti nasional melalui:

- i. pemantapan pelaksanaan dasar perpaduan dalam pendidikan;
- ii. pengupayaan pengurusan sekolah dalam perpaduan; dan
- iii. pembangunan komuniti yang kondusif bagi mengeratkan perpaduan.

Berikut merupakan beberapa aktiviti/program yang dilaksanakan oleh KPM bagi pemupukan perpaduan:

1. Kem Perpaduan Peringkat Kebangsaan yang melibatkan murid sekolah rendah dan menengah dari pelbagai kaum yang dilaksanakan secara tahunan;
2. penyediaan bahan komunikasi penerapan nilai perpaduan untuk tujuan promosi nilai-nilai perpaduan khususnya kepada murid sekolah; dan
3. penilaian pengiktirafan sekolah yang mengamalkan budaya perpaduan yang melibatkan sekolah KPM seluruh negara.

Untuk tahun 2024, KPM telah melaksanakan Kem Perpaduan Anak Malaysia dengan kerjasama Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) pada pelbagai peringkat melalui pelbagai aktiviti bagi memupuk perpaduan dalam kalangan murid pelbagai kaum. Bagi pelaksanaan pada peringkat kebangsaan, Kem Perpaduan Anak Malaysia ini telah berjaya mengumpulkan murid daripada pelbagai latar belakang dan kaum di seluruh Malaysia pada 25 hingga 29 September 2024 di Centre of Technology Excellence Sarawak (CENTEXS) Kuching, Sarawak melalui pelbagai aktiviti seperti Kembara Perpaduan di Kampung Budaya Sarawak, Kembara Muzium Borneo dan Sukan Rakyat.

KPM turut melaksanakan pertandingan Video Kreatif Perpaduan Peringkat Kebangsaan Tahun 2024 dengan pelibatan 16 jabatan pendidikan negeri (JPN) di semua jenis sekolah bawah KPM pada bulan Julai 2024.

Selain itu, KPM telah melaksanakan Kem Bakat Sukan Perpaduan pada pelbagai peringkat. Sukan alternatif seperti sukan *frisbee*, sukan lompat tali dan sukan *dodgeball* antara pengisian aktiviti dalam program tersebut. Kem Bakat Sukan Perpaduan Peringkat Kebangsaan telah diadakan pada 14 hingga 18 Julai 2024 di Alor Setar, Kedah.

Karnival Perpaduan Bahasa Inggeris Piala Menteri Pendidikan turut diadakan pada 20 hingga 22 Ogos 2024, bertempat di Pahang melalui pelbagai pengisian aktiviti seperti story telling, public speaking, dare to spell, mini documentary, poetry dan scrabble.

Pelaksanaan Program GenMADANI Peringkat Kebangsaan juga berjaya dilaksanakan dalam enam siri di seluruh Malaysia termasuk di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan bagi tahun 2024. Penyertaan murid daripada pelbagai kaum ini telah berjaya menampilkan karakter murid khususnya dalam aspek disiplin, kepimpinan, tanggungjawab, hormat-menghormati serta kreativiti dalam menyelesaikan tugas yang diberi dengan berkesan.

Di samping itu, antara strategi lain yang dilaksanakan oleh KPM dalam usaha memperkukuh perpaduan kaum dalam kalangan murid adalah dengan pelaksanaan gerakan Reformasi Pendidikan melalui Dasar Memartabatkan Bahasa Melayu dan Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI). Pelaksanaan dasar ini bertujuan untuk menyokong matlamat pembangunan negara yang meletakkan kepentingan penguasaan bahasa kebangsaan sebagai bahasa perpaduan untuk mencapai keharmonian hidup pelbagai kaum di Malaysia.

Sehubungan dengan itu, jawatankuasa Pasukan Petugas Khas MBMMBI telah ditubuhkan bagi melaksanakan pelbagai aktiviti/program yang menyokong pengukuhan bahasa melayu sebagai bahasa perpaduan seperti berikut:

**1. Program Pidato 3 Minit Aspirasi Generasi MADANI.**

Program Pidato 3 Minit Aspirasi Generasi MADANI ini dilaksanakan serentak seluruh negara pada 20 Ogos 2024 dengan pelibatan murid sebanyak 216,313 orang. Program ini juga telah mendapat pengiktirafan dalam *The Malaysia Book of Records* dan diteruskan bagi mencapai sasaran penyertaan 2.5 juta murid;

**2. Pertandingan Pidato Aspirasi Generasi MADANI Peringkat Kebangsaan Tahun 2024.**

Pertandingan Pidato Aspirasi Generasi MADANI Peringkat Kebangsaan Tahun 2024 yang bertemakan Aspirasi Generasi MADANI ini diadakan pada 8 hingga 10 September 2024, bertempat di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

**3. Pertandingan Debat Generasi MADANI Piala Menteri Pendidikan Peringkat Kebangsaan Tahun 2024**

Pertandingan Debat Generasi MADANI Piala Menteri Pendidikan ini diadakan pada 25 hingga 28 September 2024 di Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah, Pahang. Pertandingan ini melibatkan penyertaan murid daripada pelbagai kaum daripada 16 buah negeri seluruh Malaysia.

**4. Karnival Memartabatkan Bahasa Melayu Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI) Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) Peringkat Kebangsaan Tahun 2024.**

Karnival MBMMBI ini telah diadakan pada 24 dan 25 Oktober 2024 di IPGM Kampus Bahasa Melayu. Karnival hasil gabungan tenaga dan garapan idea daripada 27 IPGM kampus seluruh negara dengan kerjasama Pasukan Petugas Khas Bahasa MBMMBI mampu menyemarakkan aktiviti kebahasaan dalam kalangan pensyarah, siswa guru, murid sekolah, pengajar IPG dan komuniti setempat yang melibatkan pelbagai kaum.

KPM melalui Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) turut memperkasa perpaduan melalui pelbagai program pengukuhan bahasa Melayu dalam kalangan murid pelbagai kaum seperti berikut:

1. Forum Remaja;

2. Pertandingan Sahibba;
3. Festival Bahasa dan Sastera;
4. Pertandingan Forum Pelajar;
5. Semarak Bahasa Kebangsaan Masyarakat India;
6. Kuiz Bahasa dan Sastera;
7. Pertandingan Penghujahan Mahkamah;
8. Debat Ilmu Khas;
9. Debat Perpaduan;
10. Pidato Kanak-kanak;
11. Pertandingan Sahibba Sekolah Rendah dan Menengah;
12. Pertandingan Syair dan Puisi Peringkat Kebangsaan sekolah rendah dan menengah; dan
13. Apresiasi Bahasa dan Sastera Masyarakat Orang Asli dan Teater Kanak-kanak (Juvana dan Tunas Bakti).

Pelibatan murid dalam aktiviti kokurikulum di sekolah juga secara tidak langsung dapat memupuk perpaduan melalui aktiviti kelab dan persatuan, sukan dan permainan dan pasukan badan beruniform dalam kalangan murid pelbagai kaum.

Kajian Pengukuran Indeks Perpaduan di semua sekolah bawah KPM turut dilaksanakan untuk mengetahui tahap perpaduan dalam kalangan warga sekolah. Dapatan kajian pada tahun 2023 menunjukkan, perpaduan dalam kalangan warga sekolah adalah ERAT iaitu meningkat pada tahap 7.51 berbanding tahun 2022 pada tahap 7.10 dan 2021 pada tahap 6.27.

KPM komited untuk meneruskan inisiatif dan program yang berupaya mengukuh dan mengekalkan semangat perpaduan dalam kalangan murid pelbagai kaum, latar belakang, sosio ekonomi, agama dan etnik.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SUHAIMI BIN NASIR [LIBARAN]**

**TARIKH : 14 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**DATUK SUHAIMI BIN NASIR [LIBARAN]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan susulan daripada tindakan Kerajaan United Kingdom untuk mewajibkan semua pelawat dari Malaysia untuk mengisi Electronic Travel Authorisation (ETA) bermula pada tahun 2025, adakah terdapat kewajaran untuk Kerajaan melaksanakan tindakan yang sama bagi semua pelawat yang ingin masuk ke Malaysia dalam memastikan keselamatan negara terjamin.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) telah mempunyai langkah kawalan imigresen yang hampir sama dengan *Electronic Travel Authorisation* (ETA) yang telah diperkenalkan oleh Kerajaan United Kingdom iaitu *Malaysia Digital Arrival Card* (MDAC). MDAC ini perlu diisi dengan lengkap oleh semua pelawat asing dalam tempoh tiga (3) hari sebelum kemasukan ke Malaysia.

Selain itu, JIM juga telah menetapkan langkah kawalan untuk semua negara-negara yang wajib memohon visa bagi tujuan masuk ke Malaysia. Visa merupakan kebenaran awal bagi membenarkan pelawat asing masuk ke Malaysia, namun kebenaran masuk masih tertakluk kepada keputusan Pegawai Imigresen di pintu masuk negara. Ianya boleh dimohon secara dalam talian dan kelulusan akan diberikan bagi tempoh dua (2) hingga tujuh (7) hari oleh Pegawai Atase atau pegawai di pejabat perwakilan Malaysia di luar negara.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR  
[SETIU]**

**TARIKH : 14 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR [SETIU]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah Kementerian bersedia melaksanakan sebarang insentif bagi mengurangkan kos logistik seperti alat ganti kenderaan yang meningkat akibat penyasaran subsidi diesel.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) komited untuk memperkukuhkan sektor logistik dengan mewujudkan inisiatif jangka panjang bagi mengurangkan kos logistik dalam negara. Berikut merupakan langkah-langkah MOT dalam usaha untuk mengurangkan kos logistik:

- a. Kerjasama dengan Kementerian Kewangan (MOF) dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) bagi memperhalusi *Dasar Cukai Perkhidmatan* dengan penambahbaikan *Dasar Layanan Cukai Perkhidmatan ke atas Perkhidmatan Logistik* melalui penambahan ke atas senarai pihak berkepentingan dalam industri logistik ke dalam Kumpulan J Cukai Perkhidmatan. Pihak berkepentingan yang berdaftar di dalam Kumpulan J boleh menikmati pengecualian cukai perkhidmatan logistik;
- b. Meningkatkan kecekapan aktiviti depoh kontena melalui pelaksanaan Perlesenan Terminal Pengangkutan Awam Darat Depoh Kontena (*Off Dock Depot*) pada 20 September 2024. Penguatkuasaan peraturan depoh kontena ini dapat meningkatkan kecekapan pengurusan sekaligus memberi impak positif kepada ekosistem logistik; dan
- c. Menggalakkan peralihan penghantaran barangan daripada kenderaan jalan raya ke rel dengan penggunaan keretapi (*modeshift*). Mod ini berpotensi untuk meningkatkan kuantiti penghantaran barangan dengan efisien dan dapat mengurangkan kos logistik pergerakan jarak jauh.

2. Pada masa yang sama, kerajaan sememangnya menyediakan insentif berupa *fleet card* bagi pelaksanaan penyasaran subsidi diesel. Pemain industri masih menikmati harga diesel pada kadar bersubsidi dengan penggunaan *fleet card* di bawah kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup (KPDN) dan MOF.

3. Dalam hal ini, MOT berperanan untuk mengumpul data jenis-jenis kenderaan yang layak diberikan subsidi diesel kepada KPDN dan MOF agar didaftarkan dalam sistem *fleet card*. Langkah ini diambil bagi membolehkan subsidi diesel diperluas dengan pertambahan 14 jenis kenderaan barangan berbanding hanya 9 jenis kenderaan yang telah pun layak menerima subsidi diesel sebelum ini.

4. Setiap kenderaan yang layak diberikan subsidi diesel akan diberikan *fleet card* untuk mendapatkan harga diesel pada kadar subsidi. Pelaksanaan ini akan mengelakkan kos logistik daripada meningkat secara mendadak dan pada masa yang sama dapat memastikan kos perkhidmatan pengangkutan barangan oleh syarikat tempatan menerima kesan yang minimum dalam usaha membendung ketirisan diesel bersubsidi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN ZAHIR BIN HASSAN [WANGSA MAJU]**

**TARIKH : 14 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**TUAN ZAHIR BIN HASSAN [WANGSA MAJU]** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan bilangan institusi kewangan yang menyediakan fasiliti pinjaman bagi memasang panel solar serta apakah langkah Kementerian untuk menggalakkan lebih banyak institusi kewangan menyediakan fasiliti pinjaman bagi tujuan ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini terdapat lebih daripada 10 institusi kewangan yang menyediakan fasiliti pembiayaan kepada pengguna untuk tujuan pemasangan sistem solar PV di premis bangunan masing-masing, melalui Program *Net Energy Metering* (NEM) dan Program *Solar for Self Consumption* (SelCo).

2. Terdapat pelbagai pilihan pembiayaan yang telah diwujudkan oleh institusi kewangan, antaranya menawarkan pembiayaan secara pinjaman kepada pengguna untuk pemasangan sistem solar adalah seperti berikut:

- i. Hong Leong Bank – Pinjaman Solar Plus HLB
- ii. BSN – BSN MyRinggit-i untuk Solar
- iii. Bank Rakyat – Personal Financing-i for Solar
- iv. Maybank – Pembiayaan Solar PV Sistem
- v. Affin Bank – Pembiayaan Solar-i AFFIN
- vi. Bank Muamalat Malaysia – Solar Panel Financing
- vii. Public Bank - Solar BAE Term Financing-i
- viii. Alliance Bank – Solar Financing
- ix. CIMB Bank – SME Renewable Energy Financing
- x. OCBC – Solar Panel Financing

3. Selain penyediaan pembiayaan secara pinjaman, bank tempatan seperti Maybank, Public Bank, CIMB, Alliance Bank, OCBC, UOB dan lain-lain bank turut menawarkan kemudahan bayaran ansuran kad kredit sehingga 60 bulan kepada pengguna domestik yang melakukan pembayaran pemasangan sistem solar melalui kad kredit.

4. PETRA akan terus meneliti dasar pembangunan solar di negara ini dan meneruskan usaha untuk menyediakan inisiatif pembangunan dan program solar yang *bankable* bagi menarik minat dan penyertaan institusi kewangan dalam menyediakan pakej pembiayaan kepada pengguna.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD.  
MUTTALIB [MARAN]**

**TARIKH : 14 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD. MUTTALIB [MARAN]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan berapa peratus siswa dan siswi yang mengambil jurusan pendidikan sama ada lepasan UPSI, IPG atau universiti-universiti awam yang lain yang sehingga kini masih lagi menganggur dan belum mendapat pekerjaan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan data daripada Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG) Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), pada tahun 2021 hingga 2023, **kadar kebolehpasaran graduan Universiti Awam (UA) dalam tempoh enam (6) bulan bergraduasi dalam bidang pendidikan** adalah seperti berikut:

- i. 7.7 peratus graduan belum bekerja pada tahun 2021,
- ii. 4.7 peratus graduan belum bekerja pada tahun 2022, dan
- iii. 5.3 peratus graduan belum bekerja pada tahun 2023.

2. Untuk makluman Yang Berhormat, bagi Institut Pendidikan Guru (IPG) pula, berdasarkan maklumat daripada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM):

- i. pada tahun 2021, seramai 1,572 orang guru telah dikeluarkan dan kesemua 100 peratus guru telah ditempatkan.
- ii. untuk tahun 2022, seramai 2,322 orang guru telah dikeluarkan dan kesemua 100 peratus guru telah ditempatkan.
- iii. Bagi tahun 2023 seramai 2,190 orang guru telah dikeluarkan dan kesemua 100 peratus guru telah ditempatkan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI M. SARAVANAN [TAPAH]**

**TARIKH : 14 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**DATUK SERI M. SARAVANAN [TAPAH]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah peruntukan yang disalurkan kepada sekolah-sekolah Tamil untuk tahun 2024 dan mohon senaraikan sekolah-sekolah yang telah menerima peruntukan tersebut serta jumlahnya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa komited dalam usaha untuk menyediakan prasarana dan kemudahan infrastruktur pendidikan kepada semua sekolah termasuk sekolah jenis kebangsaan Tamil (SJKT).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Oktober 2024, sebanyak RM7.55 juta peruntukan penyelenggaraan telah disalurkan kepada SJKT SK, manakala bagi SJKT SBK pula sebanyak RM17.63 juta. Pada masa yang sama, peruntukan sebanyak RM134 juta telah disediakan untuk tujuan penyelenggaraan kecil tandas bagi 1,919 buah SBK dengan setiap satu siling peruntukan sebanyak RM70 ribu setiap sekolah. Jumlah siling peruntukan penyelenggaraan tandas tahun 2024 untuk 363 buah SJKT Sekolah Bantuan Kerajaan adalah sebanyak RM25.41 juta.

Penyaluran peruntukan adalah berdasarkan keperluan dan susunan keutamaan yang dikemukakan kepada KPM oleh sekolah melalui pejabat pendidikan daerah (PPD), jabatan pendidikan negeri (JPN) dan bahagian. KPM akan memastikan peruntukan penyelenggaraan diagihkan dengan adil dan sewajarnya kepada semua jenis sekolah KPM sama ada SK atau SBK.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

---

**PERTANYAAN** : LISAN  
**DARIPADA** : TUAN AFNAN HAMIMI BIN DATO' HAJI TAIB  
AZAMUDDEN [ALOR SETAR]  
**TARIKH** : 14 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)

**SOALAN**

**TUAN AFNAN HAMIMI BIN DATO' HAJI TAIB AZAMUDDEN [ALOR SETAR]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status terkini kelulusan untuk Projek Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim (KXP) beroperasi melibatkan kelulusan ruang udara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pengangkutan (MOT) melalui Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) telah menerima permohonan rasmi daripada Kerajaan Negeri Kedah melalui suratnya bertarikh 21 Ogos 2024 untuk menubuhkan aerodrom bagi Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim (KXP).
2. Buat masa ini, pihak CAAM dan MAVCOM sedang membuat penilaian teknikal dan kewangan ke atas permohonan tersebut. Setelah menerima laporan penilaian daripada kedua-dua agensi tersebut, pihak Kementerian akan membuat keputusan berhubung permohonan ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO HENRY SUM AGONG [LAWAS]**

**TARIKH : 14 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**DATO HENRY SUM AGONG [LAWAS]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bila akan disediakan mesin pencetak kad pengenalan baru di Pejabat Pendaftaran Lawas.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Penilaian untuk menempatkan mesin pencetak kad pengenalan di satu-satu pejabat JPN dibuat berdasarkan kepada jumlah permohonan kad pengenalan di kawasan berkenaan bagi memastikan ia adalah kos efektif. Berdasarkan rekod Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) bagi tahun 2022 hingga 2023, jumlah permohonan kad pengenalan di JPN Daerah Lawas adalah sebanyak 2,653 permohonan pada tahun 2022 dan 2,523 permohonan pada tahun 2023 dengan purata sebanyak 215 permohonan sebulan.

Permohonan kad pengenalan dari Pejabat JPN Daerah Lawas akan dicetak oleh JPN UTC Keningau, Sabah. Pemohon boleh membuat kutipan kad pengenalan MyKad tersebut dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja daripada tarikh permohonan kad pengenalan tersebut.

Namun begitu, JPN sentiasa terbuka dan bersedia untuk mempertimbangkan semula keputusan ini sekiranya terdapat keperluan mendesak pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. SITI MASTURA BINTI MUHAMMAD  
[KEPALA BATAS]**

**TARIKH : 14 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**DR. SITI MASTURA BINTI MUHAMMAD [KEPALA BATAS] minta  
MENTERI PENDIDIKAN TINGGI menyatakan:**

- (a) statistik terkini pelajar IPTA yang tercicir akibat tidak berjaya menamatkan pengajian mengikut universiti; dan
- (b) apakah punca dan tindakan pihak IPTA bagi mengatasi masalah ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan Sistem MyMoheS Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) pada tahun 2023, terdapat 4.1 peratus pelajar yang tercicir akibat tidak berjaya menamatkan pengajian.
  
2. Dalam hal ini, antara punca utama keciciran ini adalah:
  - (i) Diberhentikan (tidak mendaftar),
  - (ii) Diberhentikan (gagal peperiksaan),
  - (iii) Berhenti (sebab peribadi),
  - (iv) Berhenti (alasan tidak berminat meneruskan pengajian),
  - (v) Diberhentikan (tidak membayar yuran pengajian), dan
  - (vi) Berhenti (masalah kewangan)
  
3. Sehubungan itu, KPT telah melaksanakan beberapa inisiatif dalam mengatasi isu ini antaranya:
  - i. KPT bersama-sama dengan pihak IPTA menyediakan dua (2) bentuk program intervensi iaitu:
    - a. Pertama, program intervensi bersifat akademik seperti sistem penasihat akademik atau PA. Di bawah program ini, perancangan atau penyusunan semua pengajian diperhalusi untuk membolehkan pengajian diteruskan.
  
    - b. Kedua, program intervensi bukan akademik seperti perkhidmatan kaunseling individu dan berkelompok, *buddy system*, program motivasi, program mentor-mentee, *Academic Special Program* dan program kesedaran dari semasa ke semasa bagi membantu pelajar-pelajar di IPTA meneruskan pengajian mereka.

- ii. KPT juga menyediakan pelbagai bantuan bagi meringankan beban pelajar terutamanya dari golongan B40. Antara inisiatif yang dilaksanakan untuk membantu pelajar-pelajar daripada kelompok ini termasuklah penyediaan perkhidmatan Program *Food Bank Siswa*, Dapur Hal Ehwal Pelajar (HEP), pemberian wang sara diri dan sebagainya menggunakan peruntukan dana zakat, wakaf dan sumbangan yang diterima di IPTA masing-masing.
  
- iii. KPT dari semasa ke semasa berhubung dengan pihak IPTA untuk melihat dengan lebih mendalam intervensi yang boleh dilakukan untuk membantu mereka yang terkesan akibat pandemik terutamanya bagi memudahkan proses untuk mereka meneruskan kembali pengajian.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN LEE CHEAN CHUNG [PETALING JAYA]**

**TARIKH : 14 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**TUAN LEE CHEAN CHUNG [PETALING JAYA]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan CCTV di seluruh negara yang boleh diakses oleh pihak polis untuk siasatan jenayah dan melindungi orang awam, mengikut negeri dan pemilik (Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, PBT dan sektor swasta), dan berapa bajet tambahan untuk liputan optimal CCTV Persekutuan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak PDRM mempunyai kuasa di bawah Akta Polis 1967 untuk mengakses CCTV di seluruh negara bagi membantu siasatan jenayah atau melindungi orang awam, justeru secara umumnya kesemua CCTV yang berada di negara ini boleh diakses atas justifikasi yang dinyatakan tersebut. Pemilikan CCTV ini terdiri daripada pelbagai milikan termasuk kerajaan, swasta, individu persendirian, dan pihak berkuasa tempatan (PBT) yang tidak dapat diperincikan bilangan secara keseluruhannya.

Sekiranya pemilik tidak memberikan kerjasama untuk berkongsi rakaman tersebut, pihak polis boleh mengambil tindakan di bawah seksyen 186, Kanun Keseksaan iaitu menghalang penjawat awam menjalankan fungsi jawatannya.

Manakala berkenaan jumlah bajet tambahan untuk liputan optimal CCTV Persekutuan, Kementerian ini melalui agensi di bawahnya bersedia memberikan kerjasama kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk menentukan kawasan jenayah dan nasihat lokasi pemasangan CCTV yang sesuai, namun tertakluk kepada kemampuan kewangan pihak PBT atau Kerajaan Persekutuan.

Sekian, terim kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WAN RAZALI BIN WAN NOR  
[KUANTAN]**

**TARIKH : 14 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**TUAN WAN RAZALI BIN WAN NOR [KUANTAN] minta MENTERI  
PENDIDIKAN menyatakan bagi tempoh antara 2020 - 2023 :**

- (a) tahap penguasaan Bahasa Melayu dari aspek penulisan dan komunikasi mengikut pecahan kaum utama bagi sekolah kebangsaan dan sekolah vernakular; dan
- (b) tindakan pihak Kementerian bagi meningkatkan tahap penguasaan Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sangat komited untuk meningkatkan tahap penguasaan Bahasa Melayu (BM) dalam kalangan murid tanpa diskriminasi berasaskan kaum, jenis sekolah, lokasi bandar, luar bandar dan pedalaman termasuk sekolah vernakular. KPM juga telah membangunkan Kerangka Standard Bahasa Melayu yang dapat dijadikan rujukan standard kecekapan berbahasa semua pengguna BM termasuk kecekapan berbahasa murid sekolah.

KPM telah menubuhkan Pasukan Petugas Khas Memartabatkan Bahasa Melayu dan Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI) di bawah Reformasi Pendidikan sebagai lonjakan kepada usaha meningkatkan tahap penguasaan BM murid. Antara inisiatif yang telah dilaksanakan adalah seperti yang berikut:

1. Pelibatan menyeluruh murid dalam aktiviti kebahasaan seperti Pidato Tiga Minit Aspirasi Generasi MADANI Peringkat Kebangsaan Tahun 2024 secara serentak di semua sekolah pada 20 Ogos 2024 yang melibatkan 216, 313 orang murid;
2. Program Sahabat Bahasa di bawah Dasar Memartabatkan Bahasa Melayu Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI) yang berkonsepkan rakan membimbing rakan. Pembudayaan BM dan BI dilaksanakan secara seiring dalam apa-apa jua program dan aktiviti yang meliputi semua warga KPM dari peringkat Sekolah, PPD, JPN dan bahagian KPM;
3. Program Intervensi Kecemerlangan Bahasa Melayu. Program dilaksanakan secara bersasar kepada 315 buah sekolah yang pencapaian Gred Purata Mata Pelajaran (BM) rendah, iaitu 5 ke atas;
4. Pembudayaan Bahasa Melayu yang betul melalui hantaran media sosial dengan penandaan dinamik #semarakmbmmbi #sahabatbahasa;

5. Pembangunan Profesionalisme Berterusan kepada guru Bahasa Melayu, terutama guru bukan opsyen dengan melaksanakan Latihan Intervensi Kecekapan Berbahasa kepada guru-guru bukan opsyen dari pelbagai jenis sekolah rendah dan menengah termasuk SJKC dan SJKT.

Selain itu, KPM juga menjalinkan hubungan strategik dengan pihak badan bukan kerajaan (NGO) Misalnya, Majlis Bahasa Cina Malaysia yang sentiasa berkolaboratif dalam melaksanakan program kebahasaan yang melibatkan murid SJKC dan SJKT. Pelaksanaan aktiviti ini bagi menggalakkan keberkesanan penggunaan bahasa kebangsaan dalam kalangan murid sekolah dan seterusnya memartabatkan bahasa Melayu yang selari dengan Dasar Memartabat Bahasa Melayu dan Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI).

Semua usaha ini dapat membantu meningkatkan kecekapan berbahasa Melayu dan meningkat pencapaian BM pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Hal ini terbukti dengan peratus lulus dan kepujian BM dalam SPM menunjukkan peningkatan setiap tahun, misalnya Tahun 2021, 78.2 peratus (kepujian A+ hingga C), 96.8 peratus (lulus A+ hingga E), Tahun 2022, 80.9 peratus (kepujian A+ hingga C), 97.4 peratus (lulus A+ hingga E) dan Tahun 2023, 82.5 peratus (kepujian A+ hingga C), 97.5 peratus (lulus A+ hingga E).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WONG CHEN [SUBANG]**

**TARIKH : 14 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**TUAN WONG CHEN [SUBANG] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan:**

- (a) adakah PDRM dan agensi lain menyiasat jenayah terancang seperti yang disebut rakyat Malaysia yang dipenjarakan di Singapura seperti K Hemakavin atau Pannirselvam; dan
- (b) sama ada surat sokongan telah diserahkan kepada pihak berkuasa Singapura bagi membuktikan kerjasama dalam penyiasatan tahanan rakyat Malaysia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) sentiasa mengambil berat akan isu rakyat Malaysia yang dijadikan atau secara sukarela menjadi keldai dadah atau melakukan jenayah penyeludupan dan pengedaran dadah. Merujuk kepada kes yang melibatkan dua (2) rakyat Malaysia yang dinyatakan tersebut, siasatan telah dijalankan oleh pihak PDRM bagi meneliti perkara tersebut.

PDRM sentiasa memberikan kerjasama kepada pihak berkuasa mana-mana negara termasuk Singapura dalam menangani kes pengedaran dadah merentas sempadan. Bantuan konsular yang diberikan oleh Pejabat Perwakilan Diplomatik Malaysia hanya meliputi lawatan konsular ke atas tahanan warganegara Malaysia bagi memastikan kebajikan mereka terjaga sewajarnya. Pihak Kementerian turut ingin mengingatkan rakyat Malaysia agar sentiasa mematuhi undang-undang di negara yang dilawati dan sekiranya rakyat Malaysia melanggar undang-undang negara yang dilawat maka mereka akan diadili mengikut lunas undang-undang negara tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN FATHUL HUZIR BIN AYOB [GERIK]**  
**TARIKH : 14 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**TUAN FATHUL HUZIR BIN AYOB [GERIK]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah yang diambil Kerajaan ekoran laporan penjualan FashionValet (FV) dengan harga rendah kepada firma pelaburan tempatan, NXBT Partners yang pernah menerima sokongan daripada Khazanah Nasional Bhd dan mengumpul hampir USD\$20 juta dalam pelaburan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Ketika Khazanah dan PNB menilai Fashion Valet untuk potensi pelaburan pada tahun 2017, Fashion Valet telah menjadi sebuah platform fesyen e-dagang yang mempunyai lebih daripada 400 jenama dan 15,000 produk, dengan **hasil perniagaan** pada tahun 2017 **hampir 60 juta ringgit**, dan merekodkan **kadar pertumbuhan tahunan dari tahun 2013 sebanyak lebih 100%**.

Pelaburan oleh Khazanah dan PNB dalam Fashion Valet dibuat setelah melalui proses penilaian terperinci dan ketekunan wajar (*due diligence*) oleh pihak masing-masing, dan dilaksanakan pada nilai pasaran yang mencerminkan trajektori pertumbuhan Fashion Valet yang kukuh pada masa itu.

Suntikan pelaburan oleh Khazanah dan PNB ke dalam Fashion Valet digunakan untuk mengembangkan platform Fashion Valet supaya menjadi platform e-dagang serantau bagi jenama tempatan. Ini termasuk menambah bilangan kedai fizikal selaras dengan aspirasi Fashion Valet untuk menjadi platform membeli-belah pelbagai saluran (*omnichannel*), dan membangunkan jenama yang dimiliki sepenuhnya oleh mereka.

Fashion Valet telah mencatatkan pulangan tunai positif (atau lebih dikenali sebagai *EBITDA*) untuk beberapa tahun selepas menerima pelaburan daripada Khazanah dan PNB. Namun, pihak Khazanah dan PNB sedia maklum cabaran-cabaran yang dihadapi oleh Fashion Valet untuk mengembangkan perniagaan. **Kegagalan Fashion Valet** boleh dikaitkan dengan faktor-faktor yang diluar jangkaan seperti berikut:

- i. **Implikasi COVID-19:** Ketika Fashion Valet ingin mencapai aspirasi untuk menjadi platform membeli-belah pelbagai saluran, ia telah menambah bilangan kedai fizikal secara pesat. Namun, Perintah Kawalan Pergerakan yang dilaksanakan semasa COVID-19 telah menghalang perniagaan fizikal Fashion Valet dan mengakibatkan pasaran untuk pakaian premium, termasuk tudung, merosot

dengan ketara. Malahan, kedai fizikal yang kurang mendapat sambutan juga terpaksa ditutup.

- ii. **Perubahan trend platform fesyen e-dagang:** Perkembangan pesat jenama-jenama fesyen tempatan, terutamanya fesyen sopan, yang menggunakan saluran jualan e-platform tersendiri, berserta saluran alternatif mudah akses seperti Facebook, telah menyebabkan Fashion Valet mengalami saingan yang hebat. Oleh itu, platform Fashion Valet terpaksa ditutup dan seterusnya, Fashion Valet telah beralih fokus (*pivot*) kepada jenama sendiri, iaitu dUCk dan LILIT.
- iii. **Cabaran pengumpulan dana:** Kesemua cabaran ini telah menyebabkan kekangan aliran tunai kepada Fashion Valet. Ia berusaha mengumpulkan dana baharu untuk menangani masalah ini, tetapi pemegang saham sedia ada termasuk Khazanah dan PNB **tidak bersetuju** untuk mengambil risiko tambahan dengan menambah pelaburan dalam Fashion Valet. Malahan, pasaran pengumpulan dana yang mencabar pada ketika itu menyebabkan proses pengumpulan dana yang dijalankan oleh Fashion Valet tidak berjaya.

Walaupun Khazanah dan PNB adalah pelabur minoriti, kedua-dua pihak telah memainkan peranan yang proaktif untuk membantu Fashion Valet. Ini termasuk memberikan **bimbingan strategi dan nasihat kewangan** kepada ahli pengurusan tertinggi syarikat. Walau bagaimanapun, impak daripada cabaran-cabaran yang dihadapi oleh Fashion Valet terlalu besar, menyebabkan situasi kewangan syarikat semakin parah.

Untuk terus beroperasi dan menangani masalah aliran tunai, Fashion Valet pada waktu itu memerlukan suntikan modal daripada pelabur baharu dengan segera. Namun, mereka tidak menerima banyak tawaran daripada pelabur baharu. Tawaran yang diterima ini merupakan tawaran terbaik dan dipersetujui oleh semua pemegang saham.

## **NO SOALAN : 34**

Khazanah dan PNB mengakui bahawa hasil pelaburannya tidak selari dengan unjuran pulangan pelaburan dalam Fashion Valet. Walau bagaimanapun, pihak Khazanah dan PNB akan terus menambahbaik mekanisme tadbir urus dan tatakelola masing-masing. Memandangkan SPRM masih menyiasat kes ini, dan audit dalaman masih berjalan, Khazanah dan PNB perlu diberi ruang untuk proses siasatan ini diselesaikan. Segala dapatan yang dimuktamadkan nanti akan digunakan untuk menambah baik tatakelola dan tadbir urus.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN SYERLEENA BINTI ABDUL RASHID  
[BUKIT BENDERA]**

**TARIKH : 14 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**PUAN SYERLEENA BINTI ABDUL RASHID [BUKIT BENDERA]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan pengusiran yang dilakukan antara 1 Januari hingga 14 Oktober 2024, mengikut pecahan umur, jantina, kewarganegaraan, dan status UNHCR. Apakah langkah-langkah yang diambil Kerajaan untuk memastikan pengusiran ini tidak melanggar prinsip *non-refoulement*.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Tahanan yang mempunyai kad UNHCR yang sah akan dirujuk terlebih dahulu kepada pihak UNHCR bagi tujuan pengesahan dan seterusnya dibebaskan kepada pihak UNHCR. Pengesahan daripada pihak UNHCR dibuat sebagai langkah memastikan penghantaran pulang tahanan tidak melanggar prinsip non-refoulment. JIM merekodkan pembebasan tahanan pemegang kad UNHCR yang sah kepada pihak UNHCR seramai ratusan orang tahanan bermula 1 Januari 2024 hingga 30 September 2024.

JIM sentiasa berusaha melaksanakan penghantaran pulang tahanan dengan segera melalui jalinan kerjasama dengan Perwakilan Asing berkaitan untuk urusan pengeluaran dokumen perjalanan kepada tahanan sebelum dihantar pulang. Pemindahan pulang tahanan di depot imigresen dilaksanakan berdasarkan Arahan Tetap Ketua Pengarah Imigresen Mengenai Pentadbiran dan Pengurusan Depot Imigresen.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI AHMAD BIN SAAD @ YAHAYA  
[POKOK SENA]**

**TARIKH : 14 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**DATO' HAJI AHMAD BIN SAAD @ YAHAYA [POKOK SENA]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah Kementerian bagi mewajibkan penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di sekolah selaras dengan Akta Pendidikan 1996.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Bahasa Melayu ialah bahasa kebangsaan seperti diperuntukkan dalam perkara 152 Perlembagaan Persekutuan yang merupakan wahana penting dalam memupuk perpaduan pelbagai kaum di negara ini. Atas prinsip itu, Dasar Pendidikan Kebangsaan yang dilaksanakan melalui Sistem Pendidikan Kebangsaan telah memperuntukkan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama di semua sekolah dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan telah pun berlangsung selaras dengan peruntukan dalam subseksyen 17(1) Akta Pendidikan 1996 [*Akta 550*]. Sungguhpun sekolah jenis kebangsaan Cina (SJKC) dan sekolah jenis kebangsaan Tamil (SJKT) diberikan pengecualian, mata pelajaran Bahasa Melayu hendaklah diajarkan sebagai mata pelajaran wajib di sekolah tersebut sebagaimana yang ditetapkan dalam subseksyen 17(2) Akta 550.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]**

**TARIKH : 14 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan jumlah yang diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan untuk projek-projek bekalan air di Pulau Pinang berbanding dengan Kedah dan nyatakan jumlah yang telah pun dibelanjakan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, permohonan peruntukan projek-projek sumber air perlu dikemukakan oleh Kerajaan Negeri melalui Bahagian Bekalan Air (BBA) PETRA dan seterusnya diangkat kepada Kementerian Ekonomi untuk kelulusan di bawah *Rolling Plan*.
2. Oleh yang demikian, Kerajaan Persekutuan di bawah RMKe-12 telah meluluskan empat (4) projek sumber bekalan air di negeri Pulau Pinang dengan kos keseluruhan berjumlah RM1.169 bilion dan jumlah yang telah dibelanjakan adalah sebanyak RM655 juta. Sebagai perbandingan, Kerajaan Persekutuan juga telah meluluskan 13 projek sumber bekalan air di negeri Kedah dengan kos keseluruhan berjumlah RM1.519 bilion dan jumlah keseluruhan peruntukan yang telah dibelanjakan adalah sebanyak RM334.98 juta.
3. Bagi cadangan projek bekalan air di negeri Pulau Pinang iaitu pembinaan Loji Rawatan Air (LRA) baharu, kos keseluruhan berjumlah RM325.1 juta yang dikemukakan oleh Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) menerusi pelan perniagaan bagi Tempoh Operasi Ke-5 (2023-2026) telah diluluskan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), melalui pinjaman daripada Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB). Bagi Negeri Kedah pula, sejumlah RM1.88 bilion telah diluluskan kepada Syarikat Air Darul Aman Sdn Bhd (SADA) menerusi pelan perniagaan bagi Tempoh Operasi Ke-5 (2024-2026).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI KAMAL BIN ASHAARI  
[KUALA KRAU]**

**TARIKH : 14 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**TUAN HAJI KAMAL BIN ASHAARI [KUALA KRAU] minta MENTERI  
PENDIDIKAN TINGGI menyatakan :**

- a) adakah benar berlakunya pengurangan jumlah pengambilan pelajar baru di UiTM Jengka; dan
- b) sekiranya ya, mohon penjelasan daripada pihak Kementerian berkenaan asbab berlakunya serta langkah-langkah yang diambil bagi menaikkan kembali bilangan pengambilan pelajar ke institusi pengajian tinggi.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, terdapat peningkatan jumlah kemasukan pelajar ke UiTM Cawangan Pahang Kampus Jengka iaitu seramai 2,293 orang pada Oktober 2024 berbanding seramai 2,225 pelajar pada Oktober 2023.
2. Dalam hal ini, kemasukan adalah berdasarkan kepada kekosongan dan kapasiti akademik mengikut tahun pengambilan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU]**

**TARIKH : 14 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU]** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan tindakan Kementerian untuk mengatasi masalah banjir yang kerap berlaku di Parlimen Bayan Baru. Apakah projek tebatan banjir yang akan dilaksanakan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Tanggungjawab menjaga sistem saliran di kawasan bandar adalah di bawah beberapa pihak iaitu Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Pejabat Tanah dan Daerah.
2. Berdasarkan keputusan Jemaah Menteri pada 19 Jun 1996, JPS diberi tanggungjawab sepenuhnya mengurus dan menyenggara semua sungai termasuk sungai di kawasan PBT. Manakala PBT diberi tanggungjawab untuk mengurus dan menyenggara sistem perparitan di kawasan masing-masing. Seksyen 50, Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) juga menyatakan, PBT hendaklah membina dan menyenggara parit dan alur air.
3. Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) melalui JPS melaksanakan kerja-kerja kecil di bawah Projek Pemuliharaan Sungai untuk Mengurangkan Risiko Banjir sebagai penyelesaian jangka pendek.
4. Sejumlah RM580 ribu telah disalurkan untuk Parlimen Bayan Baru pada tahun 2022 hingga 2024 untuk melaksanakan kerja-kerja kecil melibatkan skop utama seperti kerja-kerja pengaluran sungai, kerja-kerja menstabilkan tebing sungai dan menaiktaraf saluran serta struktur berkaitan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF  
[RANTAU PANJANG]**

**TARIKH : 14 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**DATO' SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF [RANTAU PANJANG] minta  
MENTERI KEWANGAN menyatakan :**

- a) berapa peratus peruntukan yang telah dibelanjakan bagi program Skim Pembiayaan Ikhtiar, Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat dan Program Rebat Bil Elektrik untuk miskin tegar seperti yang dijanjikan dalam Belanjawan 2024; dan
- b) berapa orang yang mendapat manfaat daripada skim-skim ini.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

### **SKIM PEMBIAYAAN IKHTIAR**

Bermula Januari sehingga September 2024, jumlah pembiayaan Skim Pembiayaan Ikhtiar di bawah Amanah Ikhtiar Malaysia yang telah digunakan adalah sebanyak **RM2.03 bilion iaitu sebanyak 78% daripada jumlah sasaran pembiayaan RM2.6 bilion bagi tahun 2024**. Jumlah pembiayaan tersebut telah **memanfaatkan sebanyak 230,921 Sahabat Usahawan Amanah Ikhtiar Malaysia**.

### **SKIM PEMBANGUNAN KESEJAHTERAAN RAKYAT**

Seterusnya, sebanyak **RM497.2 juta** telah diperuntukkan bagi Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR). Daripada jumlah berkenaan, **RM459.8 juta atau 92.47% telah dibelanjakan sehingga 31 Oktober 2024 yang memberi manfaat kepada 59,054 penerima manfaat**.

### **PROGRAM REBAT BIL ELEKTRIK**

Bagi Program Rebat Bil Elektrik RM40, sebanyak **RM55 juta** telah diluluskan di bawah Belanjawan 2024. Sehingga 31 Oktober 2024, **jumlah perbelanjaan bagi program tersebut adalah sebanyak RM22.78 juta atau bersamaan dengan 41% daripada jumlah peruntukan bagi tahun 2024 yang memanfaatkan seramai 64,764 isi rumah di kalangan miskin tegar**.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHOW YU HUI [RAUB]**

**TARIKH : 14 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**TUAN CHOW YU HUI [RAUB]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :

(a) status siasatan IPCC berkenaan aduan keganasan polis bernombor IPCC.231/2024 dan IPCC.230/2024 berkenaan insiden serahan memorandum di luar Parlimen oleh Persatuan Teoh Beng Hock Untuk Kemajuan Demokrasi pada 15 Julai 2024; dan

(b) status terkini siasatan semula kes kematian Teoh Beng Hock.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Akta Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis 2022 [Akta 839] telah berkuatkuasa pada 1 Julai 2023. Sejak penubuhannya, Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis 2022 (IPCC) telah menerima aduan daripada pelbagai platform yang disediakan. Mulai dari 1 Julai 2023 sehingga 30 September 2024, IPCC telah menerima sebanyak 466 aduan. Kesemua aduan yang diterima IPCC ini dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Aduan yang mengelaskan aduan berdasarkan Seksyen 25, Akta 839.

Pada 25 Julai 2024, IPCC telah menerima aduan daripada dua (2) orang pengadu yang terlibat dalam insiden serahan memorandum di luar bangunan Parlimen oleh Persatuan Teoh Beng Hock Untuk Kemajuan Demokrasi bertarikh 15 Julai 2024. Kedua-dua aduan telah menyatakan bahawa berlakunya kekasaran daripada pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) kepada pengadu berhampiran laluan masuk ke kawasan bangunan Parlimen. Aduan IPCC.230/2024 dan IPCC.231/2024 ini telah ditimbang teliti oleh Jawatankuasa Aduan IPCC Bil. 18/2024 pada 31 Julai 2024 dan dirujuk kepada PDRM untuk siasatan kerana melibatkan tindakan yang dikawal selia di bawah Seksyen 96 dan 97 Akta Polis 1967. Pada masa ini, kedua-dua aduan ini masih berada dalam siasatan.

Melalui Mesyuarat Status Aduan yang dipengerusikan oleh Pengerusi Suruhanjaya secara berkala, status semua aduan yang dikelaskan kepada jabatan/agensi yang berkaitan, perlu dimaklumkan kepada IPCC. Kaedah "*follow up and follow through*" dilaksanakan oleh IPCC sehingga sesuatu aduan selesai. Pemakluman status aduan akan dimaklumkan kepada pengadu dari semasa ke semasa. Walau bagaimanapun, sekiranya Suruhanjaya tidak berpuas hati dengan status/keputusan siasatan yang dikemukakan oleh jabatan/agensi, Suruhanjaya boleh memulakan suatu penyiasatan salah laku atas inisiatifnya sendiri selaras dengan Seksyen 32(1), Akta 839.

- (b) Kertas siasatan kes kematian Teoh Beng Hock telah dikembalikan oleh Jabatan Peguam Negara kepada Polis Diraja Malaysia pada 6 Ogos 2024 untuk dilaksanakan siasatan lanjut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN  
[BENTONG]**

**TARIKH : 14 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN [BENTONG]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status pelaksanaan modul hak asasi manusia yang dibangunkan oleh Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) dalam akademi polis di seluruh negara, sejak pelancaran modul tersebut pada April 2022.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Modul Hak Asasi Manusia yang dibangunkan oleh Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) telah diterima pakai dalam modul latihan Polis Diraja Malaysia (PDRM). Modul ini telah dirasmikan oleh mantan Ketua Polis Negara (KPN), YBhg. Tan Sri Acryl Sani bersama-sama Pengerusi SUHAKAM, YBhg. Tan Sri Othman Hashim di Maktab PDRM Kuala Lumpur pada 18 April 2022 dan dilaksanakan dalam silibus Program Latihan Asas KePOLISAN (PLAK) di semua Pusat Latihan Polis (PULAPOL) di Malaysia.

Bagi mempersiapkan tenaga-tenaga pengajar PDRM dengan modul tersebut, SUHAKAM telah menganjurkan tiga (3) siri bengkel *Training of Trainers* (TOT) Modul Hak Asasi Manusia kepada semua tenaga pengajar PDRM bertujuan untuk memindahkan ilmu hak asasi manusia kepada tenaga pengajar PDRM yang mengajar mata pelajaran hak asasi manusia dalam kursus PLAK serta yang mengendalikan Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP). Bengkel TOT yang dianjurkan adalah seperti berikut:

- i) Cameron Highlands, Pahang dari 7 hingga 10 Mac 2023;
- ii) PULAPOL Kuala Lumpur dari 19 hingga 20 September 2023; dan
- iii) PULAPOL Pulau Langkawi, Kedah dari 22 hingga 24 Januari 2024.

SUHAKAM turut mengadakan lawatan ke Institusi Latihan Polis yang terpilih serta fasiliti latihan terlibat untuk melihat pelaksanaan Modul Hak Asasi Manusia melalui ceramah atau aktiviti yang disampaikan oleh tenaga pengajar kepada pelatih PLAK seperti berikut:

- i) PULAPOL Kuala Lumpur pada 30 September 2024;
- ii) PULAPOL Dungun pada 3 Oktober 2024;
- iii) PULAPOL Segamat pada 6 Oktober 2024; dan
- iv) PULAPOL Bukit Sentosa pada 30 Oktober 2024.

## **NO SOALAN : 42**

Dari Januari sehingga 30 September 2024, jumlah pelatih yang telah didedahkan berkaitan Modul Hak Asasi Manusia bagi tahun 2024 adalah seramai 4,353 orang. Secara keseluruhannya pelaksanaan Modul Hak Asasi Manusia dalam silibus PLAK di semua PULAPOL yang mana pelaksanaannya turut dipantau SUHAKAM merupakan nilai IHSAN yang diterapkan oleh Kerajaan dalam diri semua pegawai dan anggota PDRM.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. MOHAMMED TAUFIQ BIN JOHARI  
[SUNGAI PETANI]**

**TARIKH : 14 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**DR. MOHAMMED TAUFIQ BIN JOHARI [SUNGAI PETANI]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah inisiatif yang diambil oleh Kerajaan untuk menyemak semula dasar kelayakan pasangan bukan warganegara (*foreign spouse*) untuk bekerja agar mereka juga boleh menyumbang kepada ekonomi negara, memandangkan terdapat kebimbangan tentang brain drain dan keperluan memaksimumkan bakat dalam negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) sentiasa mengambil perhatian terhadap dasar-dasar berkaitan dengan kelayakan pasangan asing warganegara untuk bekerja di negara ini. Bagi warganegara asing yang telah berkahwin dengan warganegara Malaysia sama ada suami atau isteri dan tinggal menetap di dalam negara untuk suatu tempoh tertentu boleh diberikan kemudahan Pas Lawatan Sosial Jangka Panjang oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM).

Pasangan kepada warganegara boleh dan dibenarkan memohon kepada JIM bagi kebenaran mendapatkan pekerjaan atau menjalankan perniagaan secara sah mengikut undang-undang negara. Kebenaran tersebut diberikan tanpa perlu menukarkan pas sedia ada kepada Pas Penggajian. Pemegang pas pasangan yang dibenarkan bekerja ini adalah secara bersyarat dan bukan diperolehi secara automatik. Namun, KDN bersedia untuk melihat semula dasar sedia ada berkaitan kelayakan pasangan asing warganegara untuk bekerja bagi memenuhi keperluan ekonomi dan mengurangkan kebergantungan kepada tenaga kerja asing.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN CHONG CHIENG JEN [STAMPIN]**  
**TARIKH : 14 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**TUAN CHONG CHIENG JEN [STAMPIN]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada perusahaan perniagaan kecil dan mikro dan juga penjaja akan dikecualikan daripada pelaksanaan e-invois selepas 1 Julai 2025.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, fasa pertama pelaksanaan e-Invois telah bermula pada 1 Ogos 2024 yang melibatkan syarikat dengan perolehan jualan tahunan melebihi 100 juta ringgit. Fasa kedua akan bermula pada 1 Januari 2025 melibatkan syarikat dengan perolehan tahunan sebanyak 25 juta ringgit sehingga 100 juta ringgit. Manakala pelaksanaan e-Invois secara menyeluruh akan bermula pada 1 Julai 2025 yang melibatkan semua perniagaan termasuk Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS).

Kerajaan sedar akan cabaran yang dihadapi PMKS dalam mengadaptasi e-Invois terutamanya dari aspek penerapan teknologi dan jurang kesediaan pengetahuan berkenaan e-Invois. Sehubungan itu, Kerajaan telah menyediakan tempoh peralihan selama 6 bulan bagi memberi kelonggaran kepada peniaga untuk mengeluarkan e-Invois disatukan, iaitu e-Invois yang menggabungkan semua transaksi jualan setiap bulan dan dikemukakan kepada pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) dalam tempoh tujuh (7) hari pertama dalam bulan berikutnya. Sepanjang tempoh peralihan ini juga, penalti tidak akan dikenakan kepada perniagaan yang sekurang-kurangnya mengeluarkan e-Invois disatukan.

Selain itu, bagi peniaga kecil yang mempunyai jualan tahunan di bawah 150 ribu ringgit, Kerajaan juga telah bersetuju untuk memberi pengecualian daripada pengeluaran e-Invois buat masa ini yang mana ianya melibatkan lebih 700 ribu peniaga kecil. Namun, Kerajaan sangat menggalakkan penglibatan peniaga kecil dalam inisiatif e-Invois selaras dengan aspirasi negara ke arah pendigitalan perniagaan.

Dari segi infrastruktur, LHDNM telah menyediakan Portal MyInvois yang boleh diakses dan digunakan secara percuma bagi membantu penghantaran e-Invois kepada LHDNM. Sebagai tambahan, aplikasi MyInvois telah dibangunkan dan disediakan kepada pembayar cukai. Kini pembayar cukai boleh melaksanakan e-Invois menerusi aplikasi MyInvois

di telefon pintar masing-masing pada bila-bila masa dan di mana jua. Penggunaan portal MyInvois dan aplikasi MyInvois ini tidak melibatkan sebarang kos tambahan kepada PMKS.

Bagi peniaga yang memilih untuk membangunkan sistem sendiri atau menggunakan pembekal teknologi, insentif cukai telah disediakan seperti berikut:

- a. Berdasarkan pengumuman Belanjawan 2025, Kerajaan bersetuju memberi insentif kepada pembayar cukai yang mematuhi garis panduan pelaksanaan e-Invois sepenuhnya, iaitu perbelanjaan bagi pembelian peralatan ICT dan pakej perisian komputer diberikan elaun modal dipercepatkan untuk dituntut sepenuhnya dalam tempoh 2 tahun mulai tahun taksiran 2024; dan
- b. Potongan cukai sehingga 50 ribu ringgit bagi setiap tahun taksiran bagi perbelanjaan yuran perundingan yang ditanggung PMKS mulai tahun taksiran 2024 hingga 2027.

Kerajaan akan terus komited untuk membantu semua syarikat termasuk PMKS sepanjang tempoh peralihan dalam melaksanakan e-Invois sepenuhnya. Sesi libat urus, aktiviti pendidikan dan *hand holding program* akan terus dipergiat di seluruh negara bagi menjelaskan proses dan mekanisme pelaksanaan e-Invois, di samping memberi bimbingan berhubung penggunaan Portal MyInvois.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA BUNG MOKTAR BIN  
RADIN [KINABATANGAN]**

**TARIKH : 14 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**DATUK SERI PANGLIMA BUNG MOKTAR BIN RADIN [KINABATANGAN]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status pembinaan asrama SMK Entilibon yang sudah dilaksanakan panggilan tender sebelum ini. Projek asrama ini mampu membantu meningkatkan akses kepada pendidikan melalui pengurangan jarak ke sekolah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek pembinaan Asrama SMK Entilibon telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) dengan kos sebanyak RM12 juta dengan kapasiti 250 pelajar serta kemudahan berkaitan.

Untuk makluman, projek ini telah mengalami kenaikan kos. Berikutan itu, projek ini dinilai semula secara holistik dan diselaraskan untuk memberi lebih manfaat kepada sekolah daripada aspek kos, skop serta nilai. Projek ini akan dimohon semula dalam RMKe-13 dengan kos serta skop baharu bagi memastikan infrastruktur yang dibina memenuhi keperluan semasa dan peruntukan yang mencukupi.

Selain daripada projek pembinaan asrama di SMK Entilibon, KPM juga diluluskan Projek Pembinaan Bangunan Tambahan 16 Unit Kwarters Guru, 1 Unit Rumah Pengetua Dan Lain-Lain Kemudahan Di Sekolah Menengah Kebangsaan Entilibon Daerah Tongod, Sabah. Projek telah diluluskan di bawah RMKe-11, *Rolling Plan* Tiga (RP3), tahun 2018, dengan kos projek berjumlah RM10 juta. Projek dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) Sabah secara Konvensional Perunding. Sehingga 3 Oktober 2024, projek ini telah selesai rekabentuk terperinci dan dijadualkan untuk ditender pada 30 Oktober 2024.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO ANYI NGAU [BARAM]**

**TARIKH : 14 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**DATO ANYI NGAU [BARAM]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status pelaksanaan projek sekolah-sekolah daif di Sarawak dan kawasan Baram khususnya. Nyatakan status perlaksanaan SK Beluru Central, Bakong dan SK Long Lapok.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak 392 projek pembangunan semula bangunan daif di sekolah di Sarawak telah diluluskan dengan kos projek berjumlah RM3.015 bilion. Sehingga 7 Oktober 2024, status terkini pelaksanaan projek adalah 253 projek telah siap, 52 projek pada fasa bina dan 87 projek pada fasa prabina.

Khusus di Parlimen Baram, sebanyak 20 projek pembangunan semula bangunan daif telah diluluskan dengan kos projek berjumlah RM204.25 juta. Sehingga 7 Oktober 2024, status terkini pelaksanaan projek adalah 10 projek telah siap, dua projek pada peringkat bina dan lapan projek pada peringkat prabina.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek SK Long Lapok telah siap dan diberikan Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC) pada 22 Jun 2024. Bagi projek SK Beluru Central pula, pembinaan secara fizikal telah siap sepenuhnya dan telah melalui Pengujian dan Pentauliahan (*Testing And Commissioning-T&C*) pada 7 Oktober 2024. *Certificate of Practical Completion* (CPC) dijangka akan dikeluarkan pada 15 November 2024 dan sekolah dijangka akan beroperasi pada Disember 2024.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL SINGH  
[BUKIT GELUGOR]**

**TARIKH : 14 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL SINGH [BUKIT GELUGOR]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah pertuduhan di bawah Akta Hasutan, Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia, Seksyen 7(1) Akta Mesin Cetak dan Penerbitan dalam tempoh 1 Januari 2024 hingga 14 Oktober 2024.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah pertuduhan bagi Akta Hasutan 1948, adalah sebanyak empat (4) kes dan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan (AMCP) 1984 dalam tempoh 1 Januari 2024 hingga 14 Oktober 2024 adalah berjumlah lapan belas (18) kes.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : PUAN RODIYAH BINTI SAPIEE  
[BATANG SADONG]  
TARIKH : 14 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)

**SOALAN**

**PUAN RODIYAH BINTI SAPIEE [BATANG SADONG]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sebelum ini terdapat cadangan penggubalan Akta Perolehan di bawah Kerajaan Perpaduan, apakah kawalan melalui akta tersebut merangkumi projek mega G2G (*government to government*) dan adakah perancangan agar maklumat perolehan tertentu boleh diakses oleh orang awam.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan memutuskan untuk mengambil langkah khusus bagi meningkatkan ketelusan dalam proses perolehan Kerajaan dengan cadangan untuk merangka Rang Undang-undang Perolehan Kerajaan (RUU PK). RUU PK ini digubal dengan objektif untuk mewujudkan satu bentuk perundangan bagi mengawal selia proses Perolehan Kerajaan, memperincikan kuasa-kuasa pihak berkepentingan di bawah Akta dan mewujudkan mekanisme semak dan imbang demi memastikan tata kelola yang baik serta memenuhi amalan terbaik antarabangsa. Kerajaan juga mengambilkira pandangan dan cadangan semua pihak untuk memastikan RUU PK yang disediakan memenuhi prinsip dan tatakelola perolehan.

Di samping itu, mengambilkira kompleksiti penggubalan RUU PK, beberapa sesi libat urus sedang dan akan diadakan bersama Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, badan berkanun dan agensi-agensi lain berkaitan.

Berdasarkan komitmen Kerajaan untuk menjadikan RUU PK sebagai reformasi institusi, Kementerian Kewangan merancang untuk membentangkan RUU tersebut pada tahun hadapan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA DR. JEFFREY GAPARI  
KITINGAN [KENINGAU]**

**TARIKH : 14 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**DATUK SERI PANGLIMA DR. JEFFREY GAPARI KITINGAN [KENINGAU]** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan bilakah Kementerian akan meluluskan dengan kadar yang segera pembinaan Barage Likas di Kota Kinabalu yang merupakan salah satu penyelesaian komprehensif tebatan banjir untuk Kota Kinabalu dan kawasan sekitarnya yang mengatasi masalah pengaliran air sungai yang dihalang oleh paras air pasang laut yang tinggi.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sedang melaksanakan projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Likas dengan kos keseluruhan projek bernilai RM170.3 juta.
2. Projek ini dilaksanakan secara reka dan bina bermula pada April 2024 melibatkan skop seperti membina kolam takungan banjir, menaiktaraf sungai, pembinaan struktur kawalan banjir termasuk sistem mekanikal dan menaiktaraf sistem saliran. Kemajuan semasa di tapak adalah 5.3% dan berdasarkan perancangan, projek ini akan siap dalam tempoh empat (4) tahun.
3. Sebagai penyelesaian jangka pendek untuk mengurangkan risiko banjir, JPS juga melaksanakan kerja-kerja kecil di bawah Projek Pemuliharaan Sungai untuk Mengurangkan Risiko Banjir. Peruntukan berjumlah RM3.86 juta telah disalurkan untuk Parlimen Keningau pada tahun 2022 sehingga 2023 untuk melaksanakan kerja-kerja kecil melibatkan skop utama seperti kerja-kerja pengaluran sungai, kerja-kerja menstabilkan tebing sungai dan menaiktaraf saluran serta struktur berkaitan. Pada tahun ini, sebanyak RM710 ribu diperuntukkan untuk pelaksanaan lapan (8) sebutharga yang akan siap pada Disember 2024.

Sekian, terima kasih.